



12 August 2020

### Semakin Sporty: Volkswagen Passat R-Line Kini Dibuka Untuk Tempahan Pada Harga Bermula Dari RM200,000

- Gayaan R-Line yang sporty diinspirasikan daripada model-model berprestasi tinggi Volkswagen R.
- Menetapkan standard dalam segmen sedan dari segi teknologi dan kualiti.
- Dipasang tempatan di kilang Volkswagen Pekan.

**KUALA LUMPUR** – Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) kini sudah menerima pra-tempahan untuk Passat R-Line baharu. Menjadi model yang lebih sporty daripada Passat Elegance, Passat R-Line dipasang tempatan dan dijangka ditawarkan pada harga di antara RM200,000 hingga RM210,000.

Mengambil inspirasi daripada model-model Volkswagen R, rangkaian R-Line direka untuk menawarkan cara kepada pemandu untuk mengekspresikan individualiti mereka serta lebih menonjol, pada masa yang sama memberikan nilai hebat. Passat R-Line merupakan model R-Line kedua yang ditawarkan oleh VPCM selepas Golf R-Line.

Passat R-Line tampil dengan kemasan yang sporty. Terima kasih kepada bampar hadapan dan belakang R-Line baharu, lencana sisi R-Line, kemasan krom dan rim aloi Verona bersaiz 19". Untuk ruang dalaman pula, kemasan R-Line dapat dilihat dengan jelas menerusi penggunaan kulit Nappa hitam gayaan karbon pada tempat duduk, stereng dan pedal sports aluminium.

Passat R-Line dikuasakan oleh enjin turbo 2.0TSI baharu yang mampu menjana 190PS dan tork 320Nm. Ia kemudian dipadankan dengan kotak gear klac berkembar basah direct shift (DSG) 7-kelajuan yang baru dan telah ditambah baik. Jadi, anda boleh mengharaplan pengalaman pemanduan yang lancar dan mengujakan.

Aspek keselamatan dipertingkatkan lagi melalui ciri Side Assist dengan jarak pengesanan 180 darjah sehingga 50 meter. Ciri Rear Traffic Alert pula memberi amaran kepada pemandu apabila mengundur keluar dari ruang parkir jika terdapat kenderaan yang mendekati pada sudut 90 darjah.

Dari segi ketersambungan pemandu, Passat R-Line dilengkapi sistem infohibur Discover Pro Volkswagen bersama skrin sentuh bersaiz 9.2". Ciri-ciri kemudahan termasuklah kawalan suara, gestur, skrin yang boleh

#### Press contact

Dawn Ling  
Manager, VPCM  
Tel: 012 – 474 3007  
E: [dawn.ling@vw.com.my](mailto:dawn.ling@vw.com.my)

Yani Fadzil  
Senior Manager, VPCM  
Tel: 012 – 212 8977  
E: [yani.fadzil@vw.com.my](mailto:yani.fadzil@vw.com.my)



More under  
[www.volkswagen.com.my](http://www.volkswagen.com.my)  
[www.volkswagen-newsroom.com](http://www.volkswagen-newsroom.com)

## Media Information



dibahagikan kepada tiga bahagian dan Wireless App-Connect dengan Apple Car Play.

Passat R-Line didatangkan dalam enam warna. Warna metalik terdiri daripada biru (Aquamarine Blue), coklat (Tamarind Brown), kelabu (Manganese Grey) dan perak (Reflex Silver). Dua warna mutiara iaitu hitam (Deep Black) dan putih (Oryx White) turut ditawarkan tanpa sebarang penambahan harga.

Tempahan dan urusan melihat secara dekat boleh dilakukan dalam talian atau di mana-mana pengedar sah Volkswagen di seluruh negara. Maklumat lanjut, sila layari laman web: [www.volkswagen.com.my](http://www.volkswagen.com.my)

###

---

Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) is the official distributor of Volkswagen cars in Malaysia. With long-term business aspirations in the region VPCM's primary focus is on sales strategies through future products, strengthening the Volkswagen dealer network and service and parts availability. VPCM is managed by European automotive retail specialist, Porsche Holding Salzburg, is one of the largest and most successful automotive distributors in Europe. The Salzburg-based company was founded in 1947 and operates today in 26 markets in Western- and South-eastern Europe, China, and in Colombia and Chile in South America.

---